

Ibu, ayah reda anak derma organ

KANGAR 24 Dis. - "Saya berdoa agar organ yang didermakan Mohd. Nor Akmal Nordin mudah-mudahan 'sampai' kepada orang soleh kerana dia merupakan seorang anak yang baik serta taat kepada ibu bapa".

Demikian ujar Normadiyah Ismail, 53, ibu kepada Mohd. Nor Akmal, 26, yang meninggal dunia akibat kemalangan jalan raya kerana terbabas sendiri semasa menunggang motosikal di Tambun Tulang dekat sini, Ahad lalu.

Mohd. Nor Akmal yang merupakan pensyarah sambilan Akademi Pengajian Islam Kontemporari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Arau dekat sini, disahkan meninggal dunia ketika menerima rawatan di Hospital Tuanku Fauziah (HTF) di sini, pukul 6.45 pagi ini.

Kata Normadiyah, Mohd. Nor Akmal mendaftar sebagai penderma organ semasa menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi pada 2011.

Difahamkan, organ yang diikrar untuk didermakan adalah buah pinggang, hati dan jantung.

"Sebaik sahaja pulang bercuti, dia memaklumkan kepada saya dan bapanya tentang perkara itu dan menyebabkan kami dan keluarga agak terkejut.

"Namun, selepas diberi penerangan tentang hasrat murninya itu serta ganjaran pahala selepas kematiannya, saya dan bapanya bersetuju dan reda," kata Normadiyah ketika ditemui di HTF, hari ini.

Sementara itu, bapa Allahyarham, Nordin Md. Akhir, 53, memberitahu, sejak hari pertama Mohd. Nor Akmal dirawat di HTF, anaknya itu ada menyatakan tentang keinginannya untuk menderma keseluruhan organnya kepada adik-beradik.

"Begitu pun, kakak dan adiknya tidak merasakan sesuatu yang pelik kerana arwah tidak mengalami kecederaan serius akibat kemalangan itu," katanya.

Nordin seterusnya berharap 'sumbangan' anaknya itu diterima Allah tanpa rasa ingin menunjuk-nunjuk kerana sifat tersebut juga

merupakan sebahagian ciri-ciri Mohd. Nor Akmal.

Difahamkan, jenazah Mohd. Nor Akmal yang masih bujang itu akan dikebumikan di tanah perkuburan Islam di kampung halamannya di Pida 6, Kodiang, Kedah.

Dalam pada itu, dua pegawai perubatan dengan dibantu empat kakitangan Hospital Kuala Lumpur (HKL) diterbangkan ke HTF untuk melakukan pembedahan organ dengan menaiki sebuah helikopter jenis Agusta milik Jabatan Bomba dan Penyelamat, kira-kira pukul 11.30 pagi.

Setelah selesai, pasukan perubatan tersebut menaiki helikopter sama di Padang Majlis Perbandaran Kangar di sini, kira-kira pukul 1.15 petang.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan negeri, Jafperi Othman dan Pengarah Kesihatan negeri, Dr. Zaini Hussin turut hadir untuk menyaksikan penerbangan pemindahan organ itu yang julung-julung kali melibatkan negeri ini.



Kakak dan adiknya tidak merasakan sesuatu yang pelik kerana arwah tidak mengalami kecederaan serius akibat kemalangan itu."

NORDIN MD. AKHIR
Bapa